

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

SPP 202 Pengantar Perhubungan Antarabangsa

Masa : [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan semuanya: SOALAN 1 dan DUA soalan lain.

1. Bincangkan konsep dasar luar dengan menjelaskan tiap-tiap unsur dasar luar dan kaitannya antara satu sama lain. Kemudian, gunakan unsur-unsur itu dalam membandingkan dasar luar bagi DUA negara yang anda pilih.

[100 markah]

2. Huraikan perkara-perkara yang berikut:

- (a) bentuk-bentuk integrasi ekonomi
- (b) propaganda
- (c) pengecualian, neutraliti, neutralisasi
- (d) tindakan-tindakan rahsia (clandestine actions)
- (e) perlumbaan senjata, perlucutan dan kawalan senjata

[100 markah]

... 2/-

3. Jelaskan maknanya "konflik" dan "krisis" dan bincangkan cara-cara aman dan keras bagi menyelesaikan sesuatu konflik atau krisis. Selepas itu, gunakan teori konflik untuk menganalisiskan secara teliti satu konflik atau krisis sebenar. Apakah cara-cara yang digunakan untuk menyelesaikan konflik atau krisis tersebut?

[100 markah]

4. Jawab KEDUA-DUA soalan yang berikut:

- [a] Ulaskan faktor-faktor yang mendorongkan kerjasama militer. Apakah masalah-masalah yang boleh menjejaskan sesuatu usaha kerjasama militer? Berikan contoh-contoh.
- [b] Ulaskan faktor-faktor yang boleh mendorong sesebuah negara ke arah memperolehi senjata nuklear; kemudian, berikan alasan-alasan yang boleh menghindarkan sesebuah negara dari menjadi satu kuasa nuklear.

[100 markah]

5. Bincangkan proses penyibaran nuklear secara mendatar dan menegak. Selepas itu, jelaskan strategi penghindaran nuklear dan DUA doktrin nuklear.

[100 markah]

- oooOooo -